# Urus tadbir KKM, MOSTI tidak terjejas

Oleh Latifah Arifin - Ogos 21, 2021 @ 12:14pm
latifah@bh.com.my



FOTO fail program vaksinasi. - Foto FAIL NSTP

KUALA LUMPUR: Urusan pentadbiran kementerian yang diterajui Ketua Setiausaha (KSU) masing-masing, terutama yang bertanggungjawab mengurus krisis COVID-19, berjalan seperti biasa mengikut arahan semasa Ketua Setiausaha Negara (KSN).

KSU Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, berkata pihaknya terus menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.




KETUA Setiausaha MOSTI, Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir. - Foto FAIL NSTP

TERKINI PILIHAN PEMBACA

4m Sekurang-kurang 16 maut banjir di Tennessee
21m Sejam di pejabat sebelum lawat kawasan banjir di Kedah
24m Vinicius selamatkan mata buat Real
43m Mangsa kepala air terima faedah PERKESO
54m Mangsa banjir di Perak meningkat
1h Ismail Sabri mula tugas secara rasmi sebagai Perdana Menteri
1h 'Jangan jadikan bola sepak seperti ragbi'
1h Program menarik semarak Hari Kebangsaan

KETUA Setiausaha MOSTI, Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir. - Foto FAIL NSTP

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), MOSTI kekal komited meneruskan operasi PICK seperti yang dirancang. Ini dibuktikan apabila kadar vaksinasi negara terus mencapai sasaran dan konsisten sepanjang Ogos ini.

"Pada 18 Ogos lalu, populasi dewasa yang lengkap divaksinasi mencapai lebih 50 peratus. Terkini setakat 19 Ogos, angka vaksinasi bagi dos lengkap meningkat kepada 51.6 peratus, manakala peratusan populasi dewasa yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin adalah 76.1 peratus," katanya kepada BH, hari ini.

Isnin lalu, KSN, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata perkhidmatan awam tidak akan terkesan dengan situasi politik negara, mengambil kira kerjasama serta kesefahaman kukuh dan jitu antara setiap agensi bagi melaksanakan program dan inisiatif sedia ada.

Siti Hamisah berkata, MOSTI akan tetap bertindak sebagai penyelaras di antara pelbagai pihak bagi semua urusan berhubung PICK, kecuali bagi perkara membabitkan dasar yang terletak di bawah bidang kuasa menteri atau memerlukan kelulusan Kabinet.

KSU Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Mohd Shafiq Abdullah, berkata perjalanan kementerian diteruskan seperti biasa bagi mengoptimumkan perkhidmatan penjagaan dan rawatan kesihatan awam di seluruh negara, khususnya dalam keadaan negara masih berdepan ancaman COVID-19.

"Warga KKM adalah penjawat awam yang juga teras dalam sistem pentadbiran negara. Sebagai agensi teras dalam sektor kesihatan, KKM akan terus memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan berjalan dengan lancar.

"Warga KKM akan terus menjalankan tanggungjawab seperti biasa supaya rakyat akan terus menikmati perkhidmatan kesihatan yang cekap, berkualiti dan berintegriti," katanya menambah, tumpuan KKM ketika ini adalah meneruskan strategi dan inisiatif yang termaktub dalam Pelan PemulihanNegara (PPN).

"Justeru, aspek kesiapsiagaan dan respons dalam pengurusan pandemik COVID-19 adalah penting bagi memastikan Malaysia dapat mengurangkan risiko ancaman dan pulih daripada pandemik ini. KKM meneruskan rangka kerja pengurusan pandemik COVID-19 sebagaimana yang dirancang.

"Setiap bahagian, unit dan fasiliti di KKM terbabit dalam pelbagai peranan seperti pengurusan, sumber manusia, pengawalan pandemik, makmal, perawatan pesakit dan pengurusan logistik. Semua rangka kerja sedia ada berfungsi seperti biasa dalam memastikan rakyat mendapat rawatan dan perkhidmatan kesihatan terbaik," katanya.

Di Lembah Klang, katanya, Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKVSTF) meneruskan fokus kepada usaha logistik, Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), pemantauan kendiri di rumah dan memastikan sistem

## VAKSIN


ASEAN Ogs 21, 2021 @ 11:08am
China serah lagi vaksin Sinovac kepada Filipina


ASIA Ogs 21, 2021 @ 7:26am
India lulus guna vaksin buatan tempatan



NASIONAL Ogs 20, 2021 @ 10:35am
Malaysia terima vaksin satu dos CanSino


NASIONAL Ogs 20, 2021 @ 10:06am
Johor sasar 100 peratus lengkap divaksin Oktober ini


ASEAN Ogs 19, 2021 @ 1:32pm
Vaksin Indonesia sedia diuji secara klinikal ke atas manusia


EROPAH Ogs 19, 2021 @ 12:41pm
Keberkesanan vaksin terhadap Delta semakin hilang - Kajian

## TRENDING


NASIONAL 23 minit yang lepas
Sejam di pejabat sebelum lawat kawasan banjir di Kedah



KORPORAT 2 jam yang lepas
Serba Dinamik saman KLSE Screener


SELEBRITI 10 jam yang lepas
Ibu Syamel meninggal dunia


NASIONAL 11 jam yang lepas
Tengku Zafrul ingin luang masa



NASIONAL Jul 27, 2021 @ 3:22pm

## MOSTI bentang butiran perbelanjaan PICK kepada PAC



NASIONAL Jul 27, 2021 @ 5:34pm

## PAC syor tetapkan harga siling vaksin Sinovac segera

Disyorkan untuk anda

Recommended by

**Rare earth trillions lure China to Afghanistan's...**
Nikkei Asia

**Malaysia's old guard returns as Ismail Sabri is...**
Nikkei Asia

**Start investing too and you could have a second...**
Smart Investment

**Fugitive Businessman Jho Low to Forfeit...**
Mansion Global

**Plastic Surgery in Singapore - Prices in 2021...**
Plastic Surgery | Searc...

**Retirement Villages Near Shah Alam Migh...**
Senior Living | Sponsor...

**Japan missile plan on Ishigaki island helps boo...**
Nikkei Asia

**COVID-19 - Latest news and coverage**
CNA



RAKYAT Ogs 20, 2021 @ 6:58pm

**Lahirkan Bayi Kembar Tiga, Ibu Reda Hanya Dua Sahaja Dapat Diselamatkan..**

DAPUR Ogs 20, 2021 @ 1:47pm



**Ini Resepi Pani Puri 'Street Food' India Macam Dalam Filem Bollywood!**



DIY & KRAF Ogs 20, 2021 @ 11:35am

**Rumah Sempit Tak Ada Ruang Sidai Baju? Tak Payah Pening, Guna Cara Ni!**



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group